

## Proses Penjadualan (Kuliah & Peperiksaan)

Setiap bermulanya minggu pengkuliah dan Minggu Peperiksaan pelajar, **Unit teknikal dan Penjadualan** akan memulakan proses pembuatan jadual kuliah untuk semester seterusnya melibatkan peringkat SPIU seawal minggu keempat pengkuliah yang sedang berjalan. Proses pembuatan jadual peperiksaan pula akan bermula selepas minggu ketiga pengkuliah. **Sistem Celcat** merupakan satu perisian yang digunakan untuk membentuk sesuatu jadual di mana dengan menggunakan sistem ini, sebarang pertindihan jadual sama ada melibatkan pensyarah, pelajar dan tempat dapat dikesan dengan lebih mudah. Walaubagaimanapun unit ini akan mengenal pasti maklumat dan juga pendaftaran adalah tepat mengikut prapendaftaran yang telah dibuat oleh pelajar, bilangan pelajar mengikut kursus yang ditawarkan dan menentukan lokasi/dewan/bilik yang sesuai yang boleh menampung jumlah pelajar berdasarkan kapasiti ruang yang ada.

### Jadual Kuliah Pelajar

Jadual Kuliah UMS akan bermula apabila Seksyen Pendaftaran dan Rekod Pelajar secara rasminya membuka sistem Portal SMP untuk Sekolah membuat penawaran bagi persediaan Pra-pendaftaran untuk semester akan datang.

### Jadual Peperiksaan Pelajar

Jadual peperiksaan bermula apabila Seksyen Peperiksaan dan Penilaian mengedarkan Borang AKAD BPA/UMS/03-14 untuk mendapatkan maklumat daripada SPIU selepas minggu ketiga. Dalam tempoh ini SPIU perlulah memberikan maklumat tepat agar proses pembuatan Jadual Peperiksaan akan dapat dilakukan dengan lancar. Penyediaan jadual peperiksaan adalah rumit kerana semua kursus yang mempunyai peperiksaan dijadualkan oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik secara berpusat agar pertindihan jadual adalah sifar.

# CELCAT<sup>4</sup>

Timetable Finder Help  
SESI 2010/2011 (INDUK) - CELCAT Web Publisher

## JADUAL KULIAH SEM II



Sila Klik untuk Semakan Jadual Kuliah

Minggu 1-14  
(03/01/2011 - 04/04/2011)

Kokum Kuliah Makmal Tutorial

